

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI</b>				
1	Lembaga Jaksa Pelawat	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi memastikan cadangan-cadangan dan tindakan-tindakan dilaksanakan oleh Jabatan Penjara</li> <li>• Bagi memastikan HSE dipatuhi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mekanisme diperingkat Kementerian bagi memantau pelaksanaan cadangan-cadangan dan tindakan-tindakan yang disarankan oleh Lembaga Jaksa Pelawat.</li> <li>• Lembaga Jaksa Pelawat mula ditubuhkan di bawah Bab 60 (1) Akta Penjara (Penggagal 51).</li> </ul>
<b>JABATAN DAERAH BELAIT</b>				
2	Mengemaskini Proses Pembelian / Pembekalan Peralatan - Peralatan Keperluan Jabatan / Perkhidmatan Pemeliharaan Aset- Aset di bawah Kawalan Jabatan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penambahbaikan dalam mengawal perbelanjaan jabatan mengikut tajuk akaun, program dan aktiviti peruntukan yang betul</li> <li>• Penambahbaikan bagi merancang perbelanjaan jabatan mengikut peruntukan yang telah diteruntukkan</li> <li>• Memastikan kelicinan proses pembekalan / pembelian secara teratur</li> </ul>	Pengemaskinian proses pembelian peralatan - peralatan keperluan jabatan / perkhidmatan pemeliharaan aset-aset di bawah kawalan jabatan dan pembekalan jamuan dengan penggunaan borang yang disediakan.
<b>JABATAN BURUH</b>				
3	Penghantaran Permohonan Melalui Peti Permohonan bagi Membendung Penularan Wabak Penyakit COVID 19	Struktur Organisasi	Inisiatif ini adalah sebagai salah satu langkah bagi mencegah dan membendung penularan wabak penyakit COVID 19 di Negara Brunei Darussalam dan atas saranan Kementerian Kesihatan pada situasi wabak COVID 19 di Negara Brunei Darussalam.	Kaunter perkhidmatan Jabatan Buruh ditutup sementara bermula 25hb Mac 2020 bagi membendung penularan wabak penyakit COVID 19 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Bagi memastikan kesinambungan dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai, kaedah peti permohonan mula digunakan bagi kesemua perkhidmatan kaunter kecuali bagi pembayaran wang taruhan (tunai) yang mana proses berkenaan dilaksanakan seperti lazimnya.
4	Tatacara Pemeriksaan Borang Pengesahan Alamat (Post-Inspection)	Struktur Organisasi	Untuk menyelaraskan bersama pegawai pemeriksa dan cawangan supaya lebih teratur.	Penjelasan tatacara pemeriksaan borang pengesahan alamat secara terperinci. Ini termasuklah definisi proses permohonan dan pecahan jumlah hari bagi setiap proses. Proses permohonan Borang Pengesahan Alamat ini adalah pemeriksaan ke atas syarikat baru dan membaharui.
5	Penstrukturan Organisasi Jabatan Buruh	Struktur Organisasi	Bagi meningkatkan lagi tahap efisiensi dan keberkesanan dalam memberikan perkhidmatan yang baik dan teratur kepada orang ramai khususnya pelanggan di jabatan ini.	Penstrukturan semula organisasi bagi penyelarasan dan pensejajaran bidang tugas bahagian-bahagian yang ada di jabatan ini.
<b>JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN</b>				
6	Unit Kawalan Kredit (CCU)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan dan memperkesankan kutipan tunggakan cukai bangunan</li> <li>• Membantu pelanggan-pelanggan jabatan dalam mengawal jumlah tunggakan</li> <li>• Mengurangkan tunggakan hasil jabatan</li> <li>• Memastikan pembayaran tunggakan pada tempoh - tempoh yang ditetapkan / dipersetujui</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Credit Control Unit (CCU) adalah satu Unit yang dikhususkan bagi memantau pengurusan tuntutan dan tunggakan cukai bangunan</li> <li>• Memastikan masalah kutipan tunggakan cukai bangunan dapat ditangani secara sepehul masa dan komited</li> <li>• Memantau pengutipan tunggakan cukai bangunan</li> </ul>

**SENARAI PROGRAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2019 / 2020  
DIBAWAH KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
7	Jawatankuasa Meneliti dan Mempertimbangkan Nilai Penyelarasan Taksiran Cukai Bangunan d bawah Kawalan JBBSB	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memendekkan tempoh proses meluluskan yang sebelum ini banyak <i>red tape</i></li> <li>• Sokongan penyelarasan dapat diperjelaskan dalam mesyuarat jika ada perkara berbangkit, dengan cara ini mampu mengurangkan tempoh proses meluluskan</li> <li>• Fail-fail tidak lagi diedarkan kepada pegawai-pegawai berkenaan</li> <li>• Penyediaan statistik penyelarasan yang diluluskan dapat ditunjukkan dengan segera</li> <li>• Proses memaklumkan kepada pemilik selepas penyelarasan diluluskan dapat dilaksanakan dengan segera</li> </ul>	JBBSB menerusi Unit Kawalan Kredit, Bahagian Cukai secara proaktif telah menubuhkan satu jawatankuasa meneliti dan mempertimbangkan nilai taksiran / penyelarasan cukai bangunan (JMTC) yang dipengerusikan oleh Pengerusi Lembaga Bandaran BSB bertujuan untuk memperkesakan dan mempercepatkan lagi tempoh proses penyelarasan nilai taksiran cukai seperti BAB 12, BAB 24, BAB 15, BAB 32 dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal cukai yang telah dilaksanakan sebelum ini.
<b>PUSAT PENGURUSAN BENCANA KERAJAAN (NDMC)</b>				
8	Program Penyelaras Kesiapsiagaan Bencana / Disaster Preparedness Coordinator (DPC) Programme	Pelakuan Organisasi	Pelaksanaan program DPC ini sebagai salah satu langkah pertama NDMC untuk menubuhkan sebuah pasukan CERT ( <i>Community Emergency Response Team</i> ) di peringkat mukim dan kampung melalui Majlis Perundingan Kampung (MPK) selaku pemudahcara dan ahli DPC yang diiktiraf dibawah NDMC yang memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan dan keselamatan masyarakat kampung sentiasa dijaga dan dipantau terutama semasa berlakunya sebarang kejadian bencana.	<p>Program Penyelaras Kesiapsiagaan Bencana / Disaster Preparedness Coordinator (DPC) Programme berbentuk Program Kesedaran Awam sebagai nilai tambah dan merupakan program lanjutan kepada Program <i>Community Based Disaster Risk Management</i> (CBDRM) yang telah dilaksanakan oleh Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) sejak tahun 2010.</p> <p>Tema DPC ialah 'Pengurusan Bencana Tanggungjawab Bersama'.</p>